# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**
Tel. : **03-8870 0015**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : **www.sprm.gov.my**
Twitter : **twitter.com/SPRMMalaysia**
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

## KEPUTUSAN MENARIK BALIK PERTUDUHAN BERASASKAN FAKTA BAHARU DARIPADA SIASATAN LANJUT

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ingin menjelaskan bahawa keputusan menarik balik sebanyak 29 pertuduhan rasuah terhadap bekas Ahli Lembaga Pengarah FELDA, Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid oleh pihak pendakwaan baru-baru ini adalah berasaskan fakta yang disahkan dari siasatan lanjut.

Perkara tersebut bermula apabila tertuduh mengemukakan representasi dan pernyataan pembelaannya di bawah Seksyen 62 Akta SPRM 2009 semasa perbicaraan telah berlangsung dan susulan itu SPRM telah menjalankan siasatan lanjut berkenaan pembelaan tersebut.

Berdasarkan dapatan baharu menerusi keterangan baharu yang dikemukakan, tertuduh berjaya membuktikan bahawa beliau telah membayar balik wang yang didakwa sebagai rasuah itu sebelum siasatan dimulakan. Saksi utama turut mengesahkan perkara tersebut sebagai wang pinjaman.

SPRM telah merujuk kembali kes berkenaan kepada Pejabat Peguam Negara dan diputuskan perbicaraan tidak diteruskan berdasarkan perkembangan terbaharu siasatan tersebut. Keputusan itu dibuat kerana keterangan saksi utama tidak konsisten.

Pihak pendakwaan telah memaklumkan kepada Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur berhubung penarikan balik kesemua 29 pertuduhan itu, semasa prosiding perbicaraan kes di hadapan Hakim Suzana Hussin pada 21 Mei 2021.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PUTRAJAYA**

**5 SEPTEMBER 2021**

Bahagian Komunikasi Strategik
Strategic Communication Division
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
MACC
MALAYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi** Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Kamaruddin M. Ripin (019-6217577) atau Badrila Jamlus (011-62736440)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).